


MA
1525.6
0545
H34
1987

TESIS
(Thesis)

LATARBELAKANG PERSEJARAHAAN, FALSAFAH DAN
PENGARUH SENIBINA TRADISIONAL MELAYU
BUGIS; PENGKHUSUSAN DIBAHAGIAN PANTAI
BARAT JOHOR.



Kajian akhir ini telah dihantar kepada
Jabatan Senibina, Institut Teknologi Mara,
sebagai memenuhi syarat matapelajaran
ARC 471.- 'HISTORY OF ARCHITECTURE'

Disediakan oleh:

Nama : HAFIDZAH MOHD. AMIN
K.P I.T.M. : 87074118
Kursus/ semester : DIPLOMA IN ARCHITECTURE - 08
Sesi : JUN - DECEMBER 1987
Kajian : KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN
DAN UKUR, ITM, SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

I N S T I T U T T E K N O L O G I M A R A
K A J . S E M I B I N A P E R A N C A A G A N
D A N U K U R


Ini adalah disahkan Bahawa Kajian Akhir Ini Telah
Disediakan Oleh:

Nama HAFIDZAH MOHD. AMIN
K.P. ITM : 87074118

Kajian Akhir Ini Telah Dibaca Dan Disemak Oleh:

Penasihat / Penilai : En. Amran Bin Abdul Rahman

Penyelia / Penyelaras :


.....
T. Tangan Penasihat / Penilai

31-05-91
.....
Tarikh

PENGHARGAAN

Senibina adalah satu kesenian yang halus dan abstrak yang memerlukan satu penelitian demi menghasilkan satu kefahaman yang mendalam. Pengabaian-nya bererti pengabaian terhadap proses kejadian alam dan kebesaran tuhan. Sesungguhnya setiap ciptaan Tuhan mempunyai maksud tersendiri dan terpulanglah kita untuk menggunakan akal dan fikiran untuk menyelongkar sebaliknya.

Kesenian ciptaan manusia adalah hasil dari penelitian, penilaian dan penghargaan mereka terhadap kejadian sekeliling dan hasil kajian ini adalah hasil dari pendekatan dan penghayatan.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan khas kepada:

- En. Abdullah dari Badan Warian Johor.
- Tn Haji Andek Makkah dan Embok Intang yang telah memberi ilham terhadap kajian ini.
- Tn Haji Andik Asing dan Andek Mori penduduk Kampung Serkat, Pontian.
- Serta rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi sokongan dan perangsang.

Terima kasih juga kepada:

- Perpustakaan Tun Abdul Razak, ITM.
- Bahagian MEDEC, KSBU.

Dan terimakasih yang tidak terhingga
kepada penyelia kertas kajian ini,

'EN. AMRAN BIN

Akhir kata" Syukur kepada Allah kerana .
memberi kesihatan yang baik dan kelapangan fikiran
untuk menyiapkan serta menghasilkan kajian ini"

Istimewa untuk emak, ayah dan adik yang
telah membantu.

ISIKANDUNGAN

PENGHARGAAN

BAB SATU

- 1.0.0 Pengenalan
 - 1.1.0 Pendekatan kajian
 - 1.1.1 Matlamat kajian
 - 1.1.2 Skop kajian

BAB DUA

- 2.0.0 Asal usul Kedatangan Bugis
 - 2.1.0 Persejarahan Dan Perluasan Pengaruh Bugis, Di Semenanjung Tanah Melayu.
 - 2.2.0 Sejarah Awal Negeri Johor
 - 2.3.0 Bugis Menegakan Kedaulatan Negeri Johor.
 - 2.4.0 Bugis Di Kedah
 - 2.5.0 Kemerosotan Pengaruh Bugis
 - 2.6.0 Kesan Penguasaan Bugis
 - 2.7.0 Kesan Sejarah Kuasa Setempat
 - 2.8.0 Kesan Pengaruh Tempatan

BAB TIGA

- 3.0.0 Susur Galur Turunan Dan Silsilah Bugis.
 - 3.1.0 Zuriat Raja Perempuan
 - 3.2.0 Peranan 5 Bersaudara Opu Daeng Rilata

BAB EMPAT

- 4.0.0 Kepercayaan Dan Falsafah
 - 4.1.0 Falsafah Dalam Senibina Melayu Bugis

ISIKANDUNGAN

- 4.2.0 Rumah Sebagai Lambang Alam Kecil
- 4.2.1 Rumah Dan Tuan Rumah.
- 4.3.0 Falsafah Ruang Pada Rumah Bugis.
- 4.3.1 Tempayan Air Dan Gayong Ditangga
- 4.3.2 Curahan Rezeki (Air saluran)
- 4.3.3 Cahaya Iman (Andam-andam)

BAB LIMA

- 5.0.0 Konsep Dan Falsafah, Pengaruhnya Pada Proses Pembinaan.
- 5.1.0 Ciri-Ciri Proses Pembinaan
- 5.1.1 Sistem Ukuran Lama
- 5.1.2 Alat Pertukangan
- 5.1.3 Kalender Islam
- 5.1.4 Pemilihan Bahan Binaan
- 5.1.5 Istiadat Dan Kepercayaan Pembinaan
- 5.1.6 Pembinaan Bahagian Rumah

BAB ENAM

- 6.0.0 Ciri-Ciri Rumah Tradisional Melayu Bugis.
- 6.1.0 Rekabentuk Tebar Layar
- 6.2.0 Bumbung Limas Dan Pemilis
- 6.3.0 Ruang-Ruang Didalam Rumah
- 6.4.0 Pintu
- 6.5.0 Tangga
- 6.6.0 Tiang

BAB TUJUH

- 7.0.0 Ukiran Pada Rumah Melayu Bugis

ISIKANDUNGAN

BAB LAPAN

- 8.0.0 Kes Kajian
 - 8.1.0 Rumah Waris Bugis (En. Abdullah)
Telok Kerang, Pontian, Johor.
 - 8.2.0 Rumah Adat Bugis, Parit Pecah,
Muar. (En. Tahir bin Daeng Mustaffa)

BAB SEMBILAN

- 9.0.0 Kesimpulan

BAB SEPULUH

- 10.0.0 Rujukan
 - 10.1.0 Bibliographies

1.0.0 PENGENALAN

Bugis berasal dari Sulawesi yang terkenal menjadi pelabuhan yang terpenting di Makassar. Perhubungan perdagangannya meluas dan mampu untuk menyaingi Pelabuhan Belanda di Betawi ketika itu.

Tekanan dan peperangan yang berpanjangan dari pihak Belanda ketika itu memaksa orang-orang Bugis ini meninggalkan tanah air mereka dan merantau ketempat-tempat lain. Keadaan ini menjadikan mereka dari bangsa yang berkeupayaan didalam bidang perdagangan dan perniagaan kepada pelaut yang agresif dan lanun yang disegani serta ditakuti oleh kerajaan Melayu. Ini menjadikan bangsa Bugis ini mashyur diseluruh Nusantara ketika itu.

Johor-Riau adalah sebagai penempatan pertama Bugis dan menjadi markas untuk meluaskan pengaruhnya keseluruh Tanah Melayu.

Sebelum kedatangan Bugis, Johor telah mempunyai penduduknya sendiri yang terdiri dari orang-orang asli dan Melayu dari Sumatera. Setelah kedatangan Bugis, maka ramai penduduk Johor adalah dari keturunan bangsa Bugis, termasuklah keturunan dirajanya sendiri.

Dengan adanya pengaruh Bugis ini didalam kerajaan Melayu Johor, maka tidak dapat dinafikan lagi bahawa senibinanya juga dsedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh ciri-ciri Kebugisan yang berlainan

sama sekali dengan Rumah Melayu Tradisional. Walaupun masyarakat Bugis merupakan sebahagian daripada masyarakat rumpun Melayu, tetapi ia mempunyai falsafahnya yang tersendiri dan unik. Pegangan mereka terhadap falsafah kuat diamalkan dan mereka berpegang kuat pada adat. Adat ini diolah untuk membentuk masyarakat, kebudayaan, adat resam, sistem sosial dan juga senibinanya.

Falsafah yang dipegang digunakan dalam senibinanya dan mempengaruhi sistem perancangan didalam sesebuah bangunan agar tidak melanggar adat dan pantang larang. Selepas kedatangan Islam hampir kesemua adat falsafah dan kebudayaanya berdasarkan Islam.

M MATLAMAT KAJIAN

Kajian tentang sejarah, falsafah dan seni-bina ini bertujuan ;

- . Mengkaji asal kedatangan Masyarakat Melayu Bugis ke Tanah Melayu khususnya Bahagian Pantai Barat Johor.
- . Mengkaji bagaimana Falsafah digunakan dalam seni-bina Melayu Bugis
- . Bagaimana falsafah digunakan dalam menentukan kedudukan ruang agar tidak melanggar adat dan pantang larang.
- . Konsep serta perlambangan Melayu Bugis.
- . Sistem masyarakat, kehidupan dan penempatan masyarakat Bugis di Johor, merangkumi adat, upacara dan kehidupan.

Memangankan hampir lenyapnya Rumah Tradisi orang Melayu Bugis maka kajian akan dilakukan pada rumah kediaman Orang Bugis, seperti;

- . En Abdullah
- . En Mohd. Tahir Daeng Mustaffa.

PENDEKATAN KAJIAN

Matlamat kajian ini adalah untuk:

- Mengkaji asal kedatangan masyarakat Melayu Bugis ke Tanah Melayu, khususnya di Pantai Barat Johor.
- Ia menitik beratkan terhadap sejarah kedatangan, falsafah dan konsep dalam senibina orang-orang Melayu Bugis.

SKOP KAJIAN

- Kajian akan dilakukan terhadap rumah waris Bugis.
- Pengkajian terhadap perkampungan orang Bugis tidak dapat dilakukan kerana masalah sosial dan perkahwinan campur, serta penghijrahan mereka sendiri.
- Temubual dilakukan dengan En. Abdullah dari Badan Warisan Johor.
- Kajian menitik beratkan Falsafah, konsep dalam senibina masyarakat melayu Bugis.

2.0.0 ASAL USUL KEDATANGAN BUGIS


Makassar adalah merupakan tempat asal bagi orang-orang Bugis. Orang-orang Bugis ini begitu terkenal dengan jalan perdagangan kerana kedudukan Makassar ini yang begitu strategik terletak di bahagian Barat-daya Sulawesi. Dengan kedudukan ini Makassar menjadi titik pertengahan jalan yang agak baik bagi perdagangan diantara Pulau Jawa dan Pulau Maluku.

Bahan perdagangan sering diperlukan dan ditukar ganti diantara pedagang dan juga penduduk tempatan, yang mana keadaan ini mewujudkan saudagar-saudagar Bugis yang kaya raya ditambah dengan bahan bijih seperti emas dan lain-lain. Diantara barang-barang dagangan lain mereka adalah seperti kain dan rempah.

Sikap terbuka dan perdagangan bebas yang diamalkan di pelabuhan ini telah menarik ramai pedagang luar untuk menjalankan perniagaan dan perdagangan mereka di Makassar. Keadaan ini tidak menyenangkan pihak Belanda didalam menyaingi kemakmuran dan kesesatan Pelabuhan Makassar.

Dengan rangkaian perhubungan perdagangan yang luas, yang meliputi kerajaan Jawa, Sumatera, Borneo, Maluku, Semenanjung Tanah Melayu dan lain-lain, menjadikan masyarakat Bugis sebagai saudagar yang paling

terkenal kerana nilai harga perdagangan mereka bernilai tinggi serta paling popular dan terkenal di kalangan pedagang sendiri.



Peta menunjukan kedatangan Orang-Orang Bugis ke-Semenanjung Tanah Melayu.

Francis Light berpendapat, "Saudagar-saudagar Bugis merupakan saudagar yang paling terkenal di-Pulau sebelah timur. Dagangan mereka bernilai tinggi samada emas bungkai atau barang dagangan lain. Bersama-sama dengan beberapa banyak candu dan kain baju yang dieksport, menjadikan kedatangan mereka sentiasa ditunggu-tunggu oleh golongan saudagar lain."*

Tekanan dan peperangan yang berpanjangan oleh pihak Belanda telah memaksa orang-orang Bugis meninggalkan negara mereka dan merantau ketempat-tempat lain. Sifat mereka yang tidak suka dijajah juga merupakan salah satu daripada faktor penghijrahan mereka. Keadaan inilah yang menjadikan mereka daripada kalangan masyarakat yang begitu berkeupayaan didalam bidang perdagangan dan perniagaan kepada pelaut yang agresif, disegani dan ditakuti oleh Kerajaan Melayu dan pedagang-pedagang asing ketika itu.

Mereka merupakan pelaut yang cekap dan menjadikan diri mereka sebagai pahlawan yang digeruni lawan. Peperangan demi peperangan dimedan pertempuran telah membuktikan bahawa mereka sebagai pahlawan yang terbilang.

* Dipetik dari buku : Malaysia, Singapore & Brunei
1400-1965, Joginder Singh
Jessy.

Keadaan dan kedudukan mereka sebagai pelaut yang terbilang menjadikan bangsa Busis ini mashyur dirantau Nusantara pada masa itu dan amat digeruni oleh musuh dan golongan pendatang seperti Portugis dan Belanda.

Tidak hairanlah jikalau bangsa Bugis ini telah dapat mendiami dan menguasai berbagai tempat di-Nusantara seperti:

- Borneo
- Kedah
- Johor
- Dan lain-lain.

Dengan penempatan mereka di berbagai daerah di Nusantara ini mengakibatkan peninggalan pengaruh mereka didalam berbagai bidang termasuklah senibina gaya hidup dan sistem politik tempatan.

Diwasa itu, kerajaan yang mempunyai kaitan dengan masyarakat Bugis, kepentingan mereka amat disegani oleh kerajaan pemerintah yang lain.

PERSEJARAHAAN DAN PERLUASAN PENGARUH BUGIS
DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU PADA KURUN 18

Setelah penaklukan oleh Belanda keatas pelabuhan dan Semenanjung Selatan Sulawesi, orang Bugis telah menjadi pelaut dan perantau yang handal, merantau dari satu tempat ketempat yang lain untuk mencari untung nasib dan penghidupan yang baru.

Menjelang 1670, beberapa tahun setelah penaklukan Belanda, orang-orang Bugis telah mula menduduki Tanah Melayu. Mereka membuat penempatan di Lembah sungai Kelang, Kuala Selangor, Jeram, Melaka, Johor dan lain-lain bahagian pantai barat Tanah Melayu.

Mereka memilih bahagian pantai barat Tanah Melayu kerana memandangkan tempat-tempat tersebut mempunyai potensi dan peluang yang baik sebagai tempat perdagangan dan juga perlanunan.

Daripada sinilah orang-orang Bugis meluaskan pengaruh mereka ke negeri-negeri lain dengan jalan persemendaan dengan orang-orang tempatan dan dengan cara tampur tangan didalam bidang politik tempatan.

TESIS
(Thesis)

Hujung Tanah atau pun Hujung Golok ini juga terdapat didalam Babad Negara Kertama * yang dibuat pada masa pemerintahan kerajaan Majapahit. Kerajaan Majapahit telah menawan Hujung Tanah atau Hujung Golok ini pada tahun 1303 melalui pemerintahan Arlangga Raja. Tetapi apabila kerajaan ini mula merosot tanah jajahan ini telah terlepas ketangan pemerintahan Melaka yang mana bermulanya zaman Kegemilangan Johor.

Bagian Rujukan & Perkhidmatan Pemboori
Perpustakaan Tuan Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

* Babad Negara Kertama - Buku Sejarah
Lama Majapahit.

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

Pada kebiasaannya orang Bugis ini akan memihak kepada salah satu daripada pihak yang bertelagah. Apabila pihak yang dibantu itu berjaya dalam pertelagahan tempatan tersebut, maka mereka akan menuntut ganjaran yang telah dijanjikan oleh kerajaan tersebut.

BUGIS MENEGAKAN KEDAULATAN JOHOR

Pengaruh politik orang Bugis di Tanah Melayu bermula di Johor. Tetapi pada hakikatnya pengaruh Bugis ini telah bermula dinegeri Mempawa dan Matan di Pulau Borneo.

Di Johor, Bugis menjadikan Johor sebagai markas untuk meluaskan pengaruh mereka ketempat-tempat lain di Semenanjung Tanah Melayu. Sebab dan alasan bagaimana Bugis terlibat didalam politik adalah dengan cara persemendaan dan campur tangan pemerintahan.

Serangan yang telah dilakukan keatas Raja Kecil Siak oleh orang-orang Bugis, Tengku Tengah dan sultan Sulaiman ialah kerana:

- a. Untuk merampas kembali takhta Kerajaan Johor dari Raja Kecil.
- b. Sebagai membalas dendam Tengku Tengah keatas Raja Kecil yang telah memalukannya.
(mungkir janji untuk berkahwin)

- c. Membalas dendam keatas Raja Kecil yang telah membunuh ayahnda Sultan Sulaiman iaitu raja Abdull Jalil dan ahli keluarga yang lain.
- d. Membalas dendam keatas Raja Kecil yang mungkir janji pada orang Bugis. Perselisihan diantara Bugis dan Raja Kecil adalah kerana Raja Kecil mungkir janjinya untuk meminta bantuan Daeng Parani untuk menyerang kerajaan Johor, walaupun Daeng Parani dan angkatan-nya telah siap sedia .Didalam serangan ter-Raja Kecil telah berjaya menakluk dan menyerang Johor tanpa sebarang bantuan luar atau bantuan orang-orang Bugis. Akhirnya serangan dari Raja siak dengan dibantu oleh Apu 5 beradik dan orang-orang Bugis telah menyebabkan Raja Kecil terus tidak mempunyai negeri.

BUGIS DI KEDAH

Orang-orang Bugis meluaskan kuasa dan pengaruh di Kedah dengan jalan campur tangannal ekhwal politik tempatan dan cara persemendaan. Bugis mendapat peluang campurtangan di Kedah pada tahun 1723 bila sultanya yang tua mangkat.

Perebutan kuasanya telah berlaku diantara 2 orang putera baginda yang sulung dan yang muda. Putera muda telah menuntut takhta dari putera yang sulung. Keadaan ini memaksa Putera Sulung meminta bantuan Bugis untuk menyingkirkan adinda mudanya. Tindakan putera sulung ini mungkin merupakan tindakan yang silap memandangkan orang-orang Bugis ini sedang sedia menanti peluang seperti ini.

KEMEROSOTAN PENGARUH BUGIS

Dengan kematian pemimpin Bugis yang berwibawa seperti Raja Hadi dan Opu-Opu 5 bersaudara maka hilanglah taring dan ketokohnya di Nusantara ini.

Raja Hadi yang terbunuh benar-benar telah mendatangkan kesan keatas pengaruh Bugis di Tanah Melayu.

Orang-orang Bugis mengambil kesempatan ini untuk membalas dendam kepada mereka. Banyak serangan dan penaklukan telah dilakukan keatas penempatan orang-orang Bugis seperti di Selangor, Kedah, Perak Johor, Riau dan lain-lain. Orang-orang Bugis ini kebanyakannya dihalau keluar dari Tanah Melayu dan mereka lari ke Riau dan mencari perlindungan di Borneo.

Pemerintah Belanda memaksa Sultan Ibrahim keturunan raja ke-2 Bugis meninggalkan Selangor dan baginda meminta perlindungan dari Pahang.

Riau yang diperintah oleh Sultan Mahmood terpaksa tunduk pada Belanda dan dipaksa menerima wakil Belanda dan Riau juga dijadikan pangkalan Belanda.

Untuk mengelakan serangan Belanda secara besar-besaran, perjanjian penjualan bijih timah diberikan kepada Belanda. Dengan itu Belanda telah menamatkan pengaruh Bugis di Selangor dan lain-lain negeri termasuk Johor.

Walau bagaimana pun Bugis masih mempunyai kuasa dan pengaruh dinegeri-negeri yang pernah didudukinya dulu. Ini adalah kerana Belanda tidak dapat mengusir keluar semua orang-orang Bugis ini dan ini telah terbukti hingga sekarang dimana Bugis masih wujud dan diterima sebagai penduduk tempatan atau penduduk asal Semenanjung Tanah Melayu.

KESAN PENGUASAAN BUGIS

Orang-orang Bugis telah berjaya menguasai hampir seluruh Nusantara hampir satu kurun lamanya dan kesan-kesan kedatangan mereka masih lagi wujud serta dapat dirasai hingga kini.

Mereka telah berjaya menyekat kuasa Belanda di Tanah Melayu. Orang-orang Bugis ini juga bertanggung jawab dalam pembentukan Kesultanan bagi negeri-negeri Johor dan juga Selangor yang masih berkembang hingga sekarang. Mereka telah membantu pembentukan negeri orang-orang Minangkabau iaitu negeri Sembilan.

Ketua Sungai Hujung adalah dipercayai dari keturunan orang-orang Bugis yang membawa gelaran Datuk Kelana Putera.

Sementara perlantikan seorang Yam Tuan Muda di Linggi membayangkan pengaruh Bugis yang telah meresap ke negeri Minangkabau tersebut. Salah satu perkara yang agak penting adalah gelaran Yam Dipertuan Besar adalah berasal dari gelaran Bugis.

SEJARAH PENJAJAH KUASA SETEMPAT

Orang-orang Bugis telah memainkan peranan yang penting didalam membangunkan negeri Johor. Kekuasaan orang Bugis mula berkembang di negeri Johor dan Tanah Melayu pada penghujung kurun ke-17.

Orang-orang Bugis telah memulakan penempatan mereka di Kuala Sungai Selangor dan Kelang, dan kekuatan mereka bermula pada penghujung kurun ke-17.

Perkembangan kekuasaan Bugis yang menakjubkan ini telah menimbulkan perasaan marah orang-orang Melayu, maka berlakulah peperangan dan orang-orang Melayu yang dibantu oleh Belanda telah berjaya menghalau orang-orang Bugis ini dari Riau. Satu perjanjian telah dibuat pada 1758, yang mengandungi persetujuan bahawa orang-orang Bugis tidak boleh mencampuri hal ekhwal negeri Johor, orang-orang Bugis yang tinggal di Kelang, Linggi dan Rembau tidak lagi boleh menjual bijih mereka kepada pihak lain selain dari Belanda.

Walau bagaimana pun perjanjian ini tidak dapat bertahan lama kerana setelah setahun perjanjian ditandatangani, orang-orang Bugis telah datang melawat Riau. Mereka telah memujuk sultan Sulaiman*

* Sultan Sulaiman. Sultan Johor 1722-1760

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN